

21/01/1998

Pelan belia bantu masalah ekonomi

Noeazmi Abdul Talib

MELAKA, Selasa - Kementerian Belia dan Sukan sedang merangka pelan tindakan menyeluruh untuk belia membantu kerajaan menangani kegawatan ekonomi yang melanda negara sekarang.

Pelan tindakan itu akan mengambil empat pendekatan iaitu aspek penerangan, usaha menangani masalah kegawatan ekonomi, meningkatkan semangat patriotisme dan meningkatkan pengeluaran makanan.

Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yasin, berkata jawatankuasa merangka pelan tindakan itu yang dipengerusikan oleh timbalannya, Datuk Loke Yuen Yow akan mengadakan mesyuarat kedua pada 21 Januari ini, sebelum cadangan dikemukakan kepadanya serta pelbagai pertubuhan selepas hari raya ini untuk diperakukan.

Katanya, sebelum pelan tindakan itu dilancarkan, kementeriannya akan mengadakan perhimpunan yang dihadiri lebih 2,000 pemimpin belia pelbagai peringkat untuk mendengar taklimat khas serta berdialog dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atau Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai kegawatan ekonomi sekarang.

"Taklimat khas itu akan diadakan lebih dahulu sebelum pelan tindakan menyeluruh dilancarkan secara berasingan nanti," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis berbuka puasa bersama pemimpin belia negeri Melaka sempena program Rakan Muda Ramadan di Masjid Al-Azim di sini.

Turut hadir ialah Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Keluarga, Belia dan Sukan Negeri, Datuk Noordin Yaani serta Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri, Zainal Abidin Ahmad.

Muhyiddin berkata, dalam aspek penerangan, kempen akan diadakan untuk menjelaskan kepada pemimpin serta ahli belia mengenai isu sebenar kegawatan ekonomi yang melanda negara dan dasar serta tindakan yang diambil kerajaan untuk menanganinya.

Berikutan itu, katanya, belia perlu mengambil langkah serta usaha untuk membantu kerajaan menanganinya dengan kempen berjimat cermat dan meningkatkan tabungan serta simpanan.

"Belia juga perlu mengambil langkah meningkatkan semangat patriotisme dengan membeli barangan tempatan selaras dengan kempen kerajaan mengurangkan import," katanya.

Menurutnya, belia juga boleh membantu meningkatkan pengeluaran makanan dengan mengusahakan projek pertanian, menanam sayur-sayuran yang boleh mengeluarkan hasil dalam tempoh dua tiga bulan.

Katanya, ini boleh dilaksanakan dengan penubuhan briged tani serta kerjasama kerajaan negeri serta pelbagai agensi pertanian dalam menawarkan kemudahan kepada belia untuk melaksanakan projek tani.

Berikutan itu, tegasnya, apabila pelan tindakan menyeluruh siap akan turut diserahkan kepada semua pertubuhan belia serta pertubuhan bukan kerajaan.

Sebelum itu, dalam ucapannya, Muhyiddin berkata, kementeriannya juga sudah menyediakan garis panduan bagi program Rakan Muda sempena Ramadan dilaksanakan mengikut takwin Islam supaya tidak terhenti begitu saja.

(END)